

02 JUN 1996

Razaleigh-Kerjasama

PENYERTAAN ANGGOTA S46 KE UMNO MUNGKIN SEBELUM Hujung TAHUN

KUANTAN, 2 Jun (Bernama) -- Sebarang keputusan mengenai penyertaan anggota Parti Melayu Semangat 46 (S46) ke dalam UMNO jika dilaksanakan mungkin dilakukan sebelum hujung tahun ini semasa perhimpunan agung parti itu, kata Presiden S46, Tengku Razaleigh Hamzah hari ini.

Beliau berkata, soal hendak masuk UMNO tidak timbul ketika ini kerana sekarang ialah masa berunding dan memberi penerangan kepada anggota S46 berhubung kerjasama dengan UMNO ke arah menyatupadukan orang Melayu.

Beliau berkata jikapun nanti diputuskan untuk masuk UMNO, langkah itu akan dibuat beramai-ramai.

"Tetapi keputusan itu belum dibuat lagi...kena tinjau pendapat orang ramai, jika kita terburu-buru membuat keputusan takut sebahagian sahaja yang setuju...gagal pula tujuan kita hendak menyatukan orang Melayu," katanya kepada pemberita selepas berucap pada majlis perayaan ulang tahun ke-50 penyatuan orang Melayu di Jaya Gading, dekat sini.

Beliau telah melawat beberapa negeri antaranya Kelantan, Johor dan Pulau Pinang dan menurutnya secara keseluruhan mandat yang diterimanya adalah baik dan tiada tentangan mengenai usahanya untuk bekerjasama dengan UMNO bagi penyatuan orang Melayu, katanya.

"Caranya (untuk menyatukan orang Melayu) kita tak tahu...itu saya kena runding dengan UMNO, saya tak boleh tentukan apa yang patut dilakukan oleh kita," katanya.

Beliau juga bercadang menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk membincangkan kerjasama itu apabila Dr Mahathir lapang dan mempunyai ruang untuk bertemu dengannya.

Terdahulu semasa berucap pada majlis itu, Tengku Razaleigh berkata beliau tidak membenarkan anggota exco Kelantan daripada S46 meletakkan jawatan meskipun ada antara mereka telah berjumpa dengan beliau untuk berbuat demikian, setelah PAS Kelantan baru-baru ini menyatakan exco dari S46 di Kelantan perlu meletakkan jawatan.

Mereka tidak harus berbuat demikian kerana tiada sebab tertentu bagi mereka berbuat demikian, katanya.

"Kalau Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Aziz Nik Mat tidak mahu orang kita berada dalam exco jalan keluar ialah Nik Aziz menghadap Tuanku supaya dapat digugurkan orang kita...kerana kita tidak akan tarik orang kita keluar," katanya. -- BERNAMA

AZ PR